



## **PERATURAN PERMAINAN PING-PONG BEREGU**

### **1. UNDANG – UNDANG PERMAINAN**

- 1.1 Pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang ITTF dan Persatuan Ping Pong Malaysia (TTAM) yang terkini.
- 1.2 Selain dari peraturan umum di atas, Jawatankuasa Teknikal Pertandingan adalah berhak meminda/mengadakan peraturan- peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran Karnival Sukan Staf Antara Jabatan UMPSA (Inter PTJ).
- 1.3 Kecuali apa yang disebut dalam peraturan yang menguasai dalam peraturan ini maka undang-undang dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Antara Jabatan UMPSA (Inter PTJ) adalah diikuti.
- 1.4 Semua bantahan berkaitan dengan perkara teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan atau Teknikal Delegat.
- 1.5 Sebarang keputusan yang dibuat oleh Pengerusi Kejohanan atau Teknikal Delegat adalah Muktamad

### **2. PENDAFTARAN PEMAIN**

- 1.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak melebihi tiga (3) beregu sahaja.
- 1.2 Pemain hanya dibenarkan bermain dalam acara dan pasukan yang didaftarkan sahaja.

### **3. FORMAT PERTANDINGAN**

- 3.1 Pertandingan akan dijalankan secara Kalah Keluar dari pusingan awal hingga ke akhir bagi semua acara.
- 3.2 Sistem Perkiraan Mata adalah mengikut sistem perkiraan yang telah diluluskan oleh ITTF dan diguna pakai masa kini iaitu 11 Mata bagi setiap set.
- 3.3 Bagi pusingan awal sehingga perlawanan akhir, permainan akan dijalankan berdasarkan 'Best of Five (5) Set'.

### **4. PAKAIAN/ALATAN**

- 4.1 Bola; Bola berwarna putih Nittaku 3 Star Premium 40+ mm akan digunakan dalam pertandingan ini.
- 4.2 Pakaian Pemain; Pemain-pemain tidak dibenarkan memakai pakaian yang sama dengan warna bola (putih) dan setiap pasukan hendaklah berpakaian seragam selain warna putih.

## **5. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH**

Sila rujuk Peraturan Am 12.

## **6. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KUMPULAN**

- 6.1 Cara Memutuskan Keputusan Kumpulan  
Menang - 2 mata  
Kalah - 0 mata
- 6.2 Jika terdapat 2 atau lebih pemain mendapat jumlah mata yang sama;
  - 6.2.1 Peserta yang menang dalam pusingan awal dikira pemenang.
  - 6.2.2 Peserta yang mendapat mata yang sama kelebihan permainan ‘match’ akan dikira pemenang.
  - 6.2.3 Lebihan mata (point) akan dikira pemenang.

## **7. KELEWATAN**

Sila rujuk Peraturan Am 11.

## **8. RINGKASAN PINGAT**

KATEGORI	EMAS	PERAK	GANGSA
Beregu Lelaki	1(2)	1(2)	2(4)
Beregu Wanita	1(2)	1(2)	2(4)
JUMLAH	2 (4)	2 (4)	4 (8)